

CONTOHI HIDUP RASULULLAH

Bekerja, Berusaha Mencari Rezeki Halal

Oleh: Haji Mohidin bin Haji Mustapha

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru agar rakyat dan penduduk negara ini akan terus berlumba untuk mendapatkan rezeki yang halal melalui usaha dan kerja

yang halal sebagai tanggungjawab memenuhi keperluan keluarga dan orang-orang yang di bawah tanggungan mereka.

Langkah ini, jelas baginda, tidak syak lagi adalah sumbangan yang besar kepada keteguhan institusi keluarga sekaligus

turut menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan ketenteraman negara.

Baginda membuat seruan demikian ketika bertitah di Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam

(Bersambung ke muka 24)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian di perhimpunan dan perarakan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara.

3 Belia Kita Mestilah Berilmu Dan Literate - Titah

6 Fatwa Mufti Kerajaan: Pembedahan Plastik

14 Walkathon Donation

20 Nafkah Isteri... Bila Berhak?

Suratberita ini mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Jagalah ia dengan sempurna

KEWAJIPAN MENCARI REZEKI YANG HALAL



Tahun 9 Bilangan 2

Rabiulawal - Jamadilawal 1426 / April - Jun 2005

Islam adalah agama yang sangat mengambil berat tentang kesejahteraan hidup umatnya. Dalam konteks ini termasuklah kewajipan mencari rezeki yang halal bagi menanggung nafkah dan keperluan hidup keluarga dan orang-orang yang di bawah tanggungan. Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* adalah contoh yang paling tepat untuk diikuti. Sepanjang hidup Baginda, banyak contoh yang boleh dijadikan *i'tibar* dan pengajaran di mana sejak kecil lagi Baginda telah berusaha dan bekerja sebagai penggembala kambing, semata-mata bagi mendapatkan rezeki yang halal. Baginda tidak memilih apa jenis pekerjaan, tetapi yang lebih penting ialah di samping rezeki yang halal, caranya juga adalah halal. Selain itu, Baginda Rasulullah juga adalah seorang peniaga yang mahir dan boleh dipercayai. Kesemua ini adalah gambaran hidup Baginda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, sehingga Baginda diangkat menjadi seorang Nabi dan Rasul, sikap, peribadi dan tanggungjawab dalam mencari rezeki yang halal tetap menjadi unggul dan utama dalam hidup Baginda.

Dalam hubungan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang lalu telah bertitah menyeru umat Islam supaya mencontohi salah satu gaya hidup Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* iaitu bekerja dan berusaha untuk mencari rezeki yang halal.

Bekerja dan berusaha untuk mencari rezeki itu adalah suatu tuntutan agama bagi setiap individu. Tuntutan ini bukan sahaja bagi menanggung nafkah diri sendiri, tetapi yang tidak kurang

pentingnya juga ialah bagi menyara nafkah orang-orang yang di bawah tanggungan seseorang individu itu. Tuntutan ini juga adalah suatu kewajipan dan tanggungjawab yang sangat tinggi nilainya di sisi agama. Dalam titah yang sama, hal ini telah disentuh oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan membawakan sebuah hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: *"Satu dinar yang engkau belanjakan pada jalan Allah dan satu dinar yang engkau belanjakan pada seorang hamba dan satu dinar yang engkau sedekahkan kepada orang miskin dan satu dinar yang engkau belanjakan kepada keluargamu, pahala yang paling besar ialah dinar yang engkau belanjakan terhadap keluargamu."*

Dalam konteks pembangunan masyarakat dan negara, bekerja dan berusaha mencari rezeki yang halal itu adalah menjadi syarat asasi untuk memperolehi kebahagiaan hidup berkeluarga. Keluarga adalah pola masyarakat yang sangat memainkan peranan penting dalam membangun negara dan bangsa. Jika ekonomi institusi keluarga pincang, maka akan pincang pula masyarakat. Jika masyarakat pincang, maka akan tergugatlah kelancaran pembangunan bangsa dan negara.

Oleh kerana itu, berusaha dan bekerja hendaklah menjadi keutamaan setiap individu bagi mengukuhkan ekonomi keluarga dan orang-orang yang di bawah tanggungannya. Dalam masa yang sama, setiap individu itu juga hendaklah berusaha untuk memperolehi sebanyak mungkin ilmu, kemahiran bekerja dan pengalaman dalam pelbagai bidang kehidupan supaya mampu mengharungi daya saing di arena kehidupan yang sangat mencabar ini. ■

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari
bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah,
Pengaroh Pentadbiran.

PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha
Ketua Bahagian
Penerbitan dan Penerangan

PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin
Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Awang Haji Duraman bin Haji Kula
Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat
Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak
Dayang Hajah Safiyah binti Haji Tuah
Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal
Pg. Ibrahim bin Pg. Hj. Bakar
Haji Abu Qasim bin Haji Ismail

URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

*Terima Kasih
atas ehsan Foto
kepada:*

*Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam*

Belia Kita Mestilah Berilmu Dan Literate - Titah

Oleh: Haji Mohidin bin Haji Mustapha

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru belia-belia negara ini agar memainkan peranan sebagai 'regional player' atau 'global player'. Baginda bertitah, untuk menjadi *regional player* atau *global player*, golongan belia negara ini mestilah berkemampuan berfikir dan bertindak menurut parameter politik dan diplomasi regional atau global. Baginda bertitah demikian di Majlis Penutup Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas pada 8 April, 2005 bersamaan 28 Safar, 1426.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, anakanda-anakanda dan adinda baginda ketika berkenan berangkat ke Majlis Penutup Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seterusnya baginda bertitah bahawa dengan kesedaran sedemikian itu, sumbangan belia-belia kita di arena serantau dan antarabangsa akan lebih bermakna dan status mereka juga bukan lagi seperti 'melukut di tepi gantang', 'masuk tak menambah, keluar tak mengurang,' tetapi mereka berperanan besar sebagai 'problem identifier,' 'problem solvers' dan 'strategic brokers'.

Dalam hubungan ini, titah baginda lagi, golongan belia di negara ini adalah sebahagian daripada anggota masyarakat negara antarabangsa. Oleh itu, musabaqah ini adalah merupakan upaya kita bagi menyumbang dan melakar satu peranan positif dalam arena kerjasama serantau dan antarabangsa.

Perkara ini dijelaskan lagi dengan titah baginda, kalau dulunya, cara kita berfikir ialah pada takuk kedaerahan, maka sekarang golongan belia di negara ini mesti memiliki 'mind-set' terbuka, proaktif dan kaya dengan wawasan.

Ke arah ini, titah baginda lagi, untuk



Seramai 9 orang qari' dan 9 orang qari'ah telah mengambil bahagian di Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara kali ke-3 itu. Negara Brunei Darussalam menjuarai bahagian qari' di Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara yang lalu.



Sebahagian daripada jemputan yang terdiri daripada perwakilan negara sahabat yang menghadiri Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara yang diadakan selama tiga malam berturut-turut.

berinteraksi, berdialog, bertukar-tukar fikiran dengan rakan-rakan di arena serantau dan antarabangsa, golongan belia kita juga mestilah berilmu dan *literate*: *literate* budaya, *literate* sastera, *literate* bahasa, *literate* adat dan seumpamanya.

Tanpa ilmu, golongan belia kita tidak akan sampai ke mana dan tidak akan menjadi '*regional player*' apatah lagi '*global player*', titah baginda.

Dalam kesempatan itu, baginda juga bertitah melahirkan harapan mengenai wujudnya belia MIB yang akan membawa sinar kebahagiaan, kesejahteraan dan kerukunan hidup yang sebenar-benarnya dalam masyarakat dan keluarga.


Berhubung perkara ini baginda menjelaskan, pendekatan kita ialah belia yang bertanggungjawab dan berakhlak mulia, di mana dengan tangan-tangan mereka itu diharapkan untuk menangani gejala-gejala sosial yang negatif yang boleh mengancam upaya kita membangun negara.

Baginda juga melahirkan rasa kesyukuran, melalui usrah belia rantau Asia Tenggara ini, kita telah meletakkan aktiviti kebeliaan pada tilawah Kitab Suci al-Qur'an di mana baginda yakin tidak akan menimbulkan – walau sedikit pun – pergeseran atau kecurigaan kerana al-Qur'an itu menyeru kepada kebaikan dan menolak kemungkaran.

Terdahulu daripada itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat menyempurnakan perasmian Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara kali ketiga itu yang berlangsung pada malam pertama 26 Safar, 1426 bersamaan 6 April, 2005.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ketika berkenan mengurniakan hadiah dan cenderahati kepada Johan Qari Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara 1426 Hijriyah / 2005 Masihi.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ketika berkenan bertitah di Majlis Penutup Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Sebahagian daripada jemputan yang menghadiri Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Walaupun Hanya Diterangi Lilin dan LAMPU MINYAK TANAH

Orang-orang tua kita dahulu taat membaca, belajar dan mengajar al-Qur'an

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Mufti Kerajaan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned melahirkan rasa kekhuatirannya tentang budaya membaca, belajar dan mengajar al-Qur'an di rumah-rumah sekarang ini yang semakin berkurangan berbanding dengan tahun 50-an walaupun kemudahan yang ada sekarang ini jauh lebih baik daripada dahulu.

Menurut Yang Berhormat Pehin Mufti lagi di tahun 50-an datuk nenek dan orang-orang tua kita membaca al-Qur'an dan mengajar anak-anak mereka membaca al-Qur'an hanya diterangi oleh lilin atau lampu minyak tanah. Mereka ini sangat taat mengamalkannya berbanding dengan generasi sekarang ini yang diterangi oleh cahaya lampu elektrik yang memudahkan mereka membaca dan belajar al-Qur'an dengan terang. Tetapi apa yang didapati sekarang ini ialah lebih kepada suara

nyanyian, muzik, pertunjukan pentas dan karaoke.

Yang Berhormat Mufti Kerajaan berkata demikian semasa menyampaikan khutbah Jumaat di



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika berkhutbah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Daerah Temburong.

Masjid Utama Mohammad Salleh, Daerah Temburong pada hari Jumaat, 11 Rabiulakhir, 1426 bersamaan 20 Mei, 2005 yang termasuk salah satu program Irsyad Jabatan Mufti Kerajaan ke daerah tersebut.

Yang Berhormat Pehin Mufti menambah, 50 tahun yang lalu orang-orang tua kita tidur selepas membaca al-Qur'an, tetapi generasi sekarang tidur setelah penat menonton filem dan seumpamanya. Inilah perbezaan di antara dua generasi yang dahulu dan sekarang.

Kekuatan kita ialah al-Qur'an. Ummah dan agama akan lemah jika al-Qur'an tidak dibaca dan dipelajari, tambah Yang Berhormat Pehin Mufti.

Oleh itu Yang Berhormat Pehin berharap Kitab Suci al-Qur'an itu bukan hanya untuk disimpan tetapi hendaklah dibaca dan dipelajari.



Sebahagian daripada jemaah yang menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Daerah Temburong.

Pembedahan Plastik

Soalan:

Dengan penuh hormat kaola memaklumkan bahawa kaola telah terbaca satu makalah keluaran sebuah akhbar tempatan mengenai dengan "Plastic Surgery".

Makalah berkenaan telah menerangkan mengenai satu kejayaan para doktor di negara ini yang berkeyakinan bahawa *plastic surgery* boleh dikendalikan. Pembedahan ini adalah bagi sesuatu yang tidak elok atau tidak cantik kepada yang elok dan cantik seperti pembedahan muka, hidung dan lain-lain organ. Perkara ini seperti yang lazimnya sudah biasa dilakukan di negara-negara yang maju.

Persoalan kaola ialah apakah hukum *plastic surgery* ini?

Jawapan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَبَعْدُ.

Prosedur surgery plastik terbahagi kepada dua bahagian utama: **Membentuk semula dan kosmetik.**

Pertama: Prosedur membentuk semula ialah pembedahan untuk memulihkan bentuk, dan dalam banyak keadaan, fungsi bahagian badan yang tidak normal disebabkan oleh kecederaan, penyakit atau kecacatan kongenital (sejak lahir). Membaikpulih luka, melecet yang teruk dan patah tulang muka ialah prosedur yang biasa berlaku. Penggunaan tarik, *flap* (siat) dan *graf* (cantuman) tisu badan untuk memulihkan kehilangan bentuk kerana terbakar dan pindah otot belakang ke kaki dan tangan yang cedera ialah contoh-contoh biasa prosedur membentuk semula yang dilakukan oleh doktor surgery

plastik. Membuang kanser kulit dan membaikpulih belahan bibir dan lelangit juga biasa dibuat oleh ramai doktor surgery plastik. Surgery membentuk semula bolehlah diertikan sebagai prosedur surgery yang dilakukan ke atas bahagian tubuh yang tidak normal bagi mendapatkan bentuk yang normal dan membetulkan fungsinya. Yang dipentingkan di sini ialah bahawa prosedur itu dilakukan ke atas bahagian-bahagian tisu badan.

Kedua: Prosedur kosmetik pula ialah pembedahan yang bertujuan semata-mata untuk mencantikkan bahagian badan mengikut sukat-sukat rupa dan fungsi badan yang normal. Contoh-contoh yang ada ialah prosedur seperti menegang muka, mengubahsuai hidung untuk kecantikan dan membuang lemak. (Plastic Surgery, Department of Surgery University of Iowa Hospital and Clinic Iowa City, Iowa)

Adapun kes-kes yang pertama itu iaitu membentuk semula yang dikendalikan oleh pakar di hospital



Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

hospital dan klinik, tidak syak lagi adalah harus dan boleh. Pembedahan kerana membentuk semula itu tidak ditegah, bahkan *nash-nash* syara' secara umumnya menghendaki demikian sehingga ke peringkat wajib, seperti membetul atau membaikpulih tulang yang retak atau patah, menjahit luka yang membahayakan atau menampal kulit yang terbakar. Semuanya ini adalah bersifat rawatan untuk kesembuhan dan keselamatan, bukan pembedahan untuk mengubah kejadian Allah sebagaimana firman Allah:

وَلَا ضَلَّئَهُمْ وَلَا مَتَّيَّئَهُمْ وَلَا مُرْتَنَّهُمْ
فَلْيَتَكُنْ آذَانُ الْأَنْعَامِ
وَلَا مُرْتَنَّهُمْ فَلْيَغَيِّرْ خَلْقَ اللَّهِ

(سورة النساء: ١١٩)

Tafsirnya: "Dan demi sesungguhnya aku (*syaitan*) akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak) lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah."

(Surah an-Nisā': 119)

SETIAUSAHA LUAR PAKISTAN LAWAT BALAI PAMERAN ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Setiausaha Luar Republik Islam Pakistan Tuan Riaz Mohamed Khan telah mengadakan lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada hari Ahad 29 Rabiulawal, 1426 bersamaan dengan 8 Mei, 2005.

Rombongan pelawat telah dialu-alukan oleh Pengarah Pentadbiran, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Mufti Kerajaan.

Sebelum dibawa melawat balai pameran rombongan pelawat telah diberi taklimat ringkas mengenai dengan sejarah dan bahan-bahan yang dipamerkan di Balai Pameran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Di akhir lawatan, Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah telah menyampaikan cenderamata kepada Tuan Riaz Mohamed Khan.

Pembedahan pembentukan semula ini hanyalah untuk menghilangkan kecacatan yang baru mendatang terhadap kejadian Allah. Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam pernah mengizinkan seorang lelaki yang terpotong hidungnya dalam suatu peperangan supaya menjadikan (mengganti) hidungnya itu dengan emas.

Kesimpulannya, mana-mana

pembedahan plastik bagi tujuan prosedur membentuk semula umpamanya untuk menghilangkan kecacatan atau menolak penyakit seperti mengembalikan atau memulihkan anggota badan yang rosak adalah harus.

Sementara pembedahan bagi tujuan kosmetik (untuk mengubah kejadian asal kepada yang lain daripada yang belum pernah ada sebelumnya dengan

maksud supaya kelihatan lebih cantik) adalah ini dilarang dan malah dilaknat oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, sebagaimana sabda Baginda dalam hadis daripada Ibnu Mas'ud:

لَعَنَ اللَّهُ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُسْتَوْشِمَاتِ
وَالتَّامِصَاتِ وَالْمُتَمَصِّصَاتِ الْمُتَفَلِّجَاتِ
لِلْحُسْنِ الْمُغَيَّرَاتِ خَلَقَ اللَّهُ

(رواه البخاري ومسلم)

Maksudnya: "Allah melaknat orang-orang yang mentatu dan yang minta ditatu, orang-orang yang mencabut rambutnya, orang-orang yang memperlihatkan kecantikan, dan orang-orang yang mengubah ciptaan Allah."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

.....pembedahan bagi tujuan kosmetik (untuk mengubah kejadian asal kepada yang lain daripada yang belum pernah ada sebelumnya dengan maksud supaya kelihatan lebih cantik) adalah ini dilarang dan malah dilaknat oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam.....

PERSIDANGAN KE-16 MAJLIS AKADEMI FIQH ISLAM DI DUBAI

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohidin, Timbalan Mufti Kerajaan, selaku ahli tetap Persidangan Majlis Akademi Fiqh Islam dan Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Ketua Pegawai Istinbat, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, telah menghadiri Persidangan Ke-16, Majlis Akademi Fiqh Islam di Dubai, Amiriah Arab Bersatu yang berlangsung pada 9 hingga 16 April, 2005.

Persidangan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat asy-Syeikh Muhammad bin Khalifah A-li Maktum wakil kepada Yang Berhormat asy-Syeikh Hamdan bin Rashid A-li Maktum, Timbalan Pemerintah (Naib Hakim) Dubai pada 9 April, 2005 bertempat di Hotel al-Bustan Rotana, Dubai.

Sepanjang persidangan, sebanyak 9 tajuk kertas kerja telah dibentangkan dan sejumlah 58 kertas kerja disediakan. Tajuk-tajuk kertas kerja yang dibincangkan ialah:-

- Zakat Harta Yang Dibekukan - 7 kertas kerja.
- Perbalahan Suami Isteri Yang Berkerjaya - 6 kertas kerja.
- Alternatif Terkini Mengenai 'Aqilah' Dalam Menanggung Diyat - 6 kertas kerja.
- Tafsiran Baru Bagi al-Qur'an Dan Nash-Nash Ugama - 8 kertas kerja.
- Barang Jualan Antarabangsa



Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohidin dan Awang Haji Japar bin Haji Maidin ketika menghadiri Persidangan Ke-16 Majlis Akademi Fiqh Islam di Dubai, Amiriah Arab Bersatu.



- Dan Penetapan Syara' Dalam Bermu'amalah Dengannya - 5 kertas kerja.
- Insuran Perniagaan - 6 kertas kerja.
- Insuran Kesihatan - 5 kertas kerja.
- Kita (Muslim) Dan Orang Lain (Bukan Muslim) - 8 kertas kerja.

- Bermu'amalah Dengan Orang Bukan Islam Dan Golongan Muslim Yang Minoriti - 7 kertas kerja.

Persidangan ke-15 yang lalu telah diadakan di Oman.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Serombongan lebih 40 orang murid Sekolah Rendah Pintu Malim telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Darulifta Brunei Darussalam pada hari Isnin 20 Jamadilawal, 1426 bersamaan 27 Jun, 2005.

Rombongan telah dialu-alukan dan diberi taklimat oleh Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar, Penolong Pegawai Perhubungan Awam di Jabatan Mufti Kerajaan. Selepas mendengar taklimat rombongan telah dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Guru dan murid-murid Sekolah Rendah Pintu Malim ketika mendengar taklimat sebelum dibawa melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah.



Menurut Penolong Guru Besar (Pengajian Islam) Haji Aji bin Haji Lakat, tujuan lawatan tersebut antara lain ialah untuk memperkenalkan kepada murid-murid

tentang peranan dan perkembangan Jabatan Mufti Kerajaan, dan untuk menambah pengetahuan ketika melawat balai pameran.

Halaqah: PENYAKIT BUAH PINGGANG DAN RAWATANNYA

Oleh: Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

Majlis Halaqah yang memberi fokus kepada penyakit buah pinggang telah diadakan pada hari Sabtu 22 Safar, 1426 bersamaan 2 April, 2005 bermula dari jam 9.00 pagi di bilik Syuura 3, Darulifta Brunei Darussalam.

Majlis Halaqah yang menjadi salah satu aktiviti Jabatan ini adalah antara lain bertujuan untuk mengumpulkan maklumat di samping meningkatkan ilmu pengetahuan para pegawai dalam berbagai bidang yang dilihat ada berkaitan dengan penetapan hukum dan fatwa dalam isu-isu tertentu.

Tetamu undangan di majlis halaqah kali ini ialah Dr Haji Shaukat Zinnah, Pemangku Ketua Pentadbiran dan Pegawai Perubatan Kanan, Jabatan

Perubatan Buah Pinggang, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam, yang telah memberikan penerangan terperinci tentang penyakit buah pinggang, seperti punca-punca dan tanda-tanda penyakit, beberapa peringkat penyakit dan rawatannya, cara-cara mengelakkan penyakit dan berbagai isu lagi yang berkaitan dengannya. Sesi soal jawab juga diadakan bagi memberi peluang kepada para pegawai untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi berkenaan dengan tajuk yang dibincangkan.



Dr Haji Shaukat Zinnah, ketika memberikan penerangan terperinci tentang penyakit buah pinggang dan berbagai isu yang berkaitan dengannya.

Turut hadir di majlis halaqah tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, Pengarah Pentadbiran dan para pegawai Jabatan Mufti Kerajaan.

Pesta Buku Antarabangsa KUALA LUMPUR 2005

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri buat kali kelima menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2005. Pesta buku kali ke-24 itu berlangsung pada 23 April - 2 Mei 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Pesta buku ini dirasmikan oleh Dato Dr. Haji Ahmad bin Sipon, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, yang mewakili Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Dato Hishamuddin bin Tun Hussein.

Sebanyak 548 buah gerai pameran telah disediakan oleh pihak penganjur dan disertai oleh lebih 200 peserta dari dalam dan luar negeri seperti toko-toko buku dan penerbit dari Singapura, Australia, Hongkong, Indonesia, Filipina, Mesir dan Brunei Darussalam.

Menurut Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan, Jabatan Mufti Kerajaan, yang juga mengetuai rombongan, antara buku yang mendapat sambutan di pesta buku ini ialah buku terbitan terbaru seperti Jambatan Ke Akhirat, Rokok dan Merokok, Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum 2003. Selain itu buku Isu-isu Kewangan, *Monetary Issues* dan buku Islam dan

Dato Dr. Haji Ahmad bin Sipon, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, mewakili Yang Berhormat Dato Hishamuddin bin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia ketika melawat Gerai Jabatan Mufti Kerajaan dan diberikan penerangan oleh Awang Haji Mohidin bin Hj. Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan.



Muzik masih mendapat sambutan yang menggalakkan.

Sepanjang pesta buku itu lebih 500,000



Pada tahun ini gerai Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Sejarah Brunei dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei diletakkan berdekatan berbanding dengan pesta-pesta buku sebelumnya.

orang telah mengunjunginya, iaitu yang paling ramai sejak ia dianjurkan pada tahun 1982. Tema pesta buku pada tahun ini ialah Buku Memperkaya Minda.

ROMBONGAN DARI FILIPINA LAWAT BALAI PAMERAN ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Undersecretary Prof. Manaros Boransing dan Dr. Estrella Babano, Pengarah Serantau, Jabatan Pendidikan Filipina dengan diiringi oleh Duta Besar Republik Filipina ke negara ini telah mengadakan lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada hari Rabu 23 Rabiulakhir, 1426 bersamaan 1 Jun, 2005.

Sebelum dibawa melawat balai pameran, rombongan telah diberi taklimat ringkas mengenai dengan fungsi utama Balai Pameran Islam iaitu untuk mempamer dan memelihara koleksi keislaman Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan untuk mengadakan penyelidikan ke atas koleksi manuskrip dan lain-lain artifak bagi penyebaran ilmu dan maklumat Islam yang ada di

Dato Paduka Ahmad Bukhari Bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanafiah, Pengarah pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan ketika mengalu-alukan rombongan pelawat dari Filipina.



dalamnya.

Menurut Prof. Manaros Boransing adalah amat menggemirakan apabila mengetahui bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melakukan satu usaha yang sungguh murni dan terpuji dalam memelihara teks-teks Islam yang amat penting dan bermakna di samping

artifak-artifak lain, bagi faedah seluruh umat Islam.

Sejak Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dibuka hampir 4 tahun lalu, lebih 100,000 orang yang terdiri daripada pembesar-pembesar dalam dan luar negeri, pelajar dan orang ramai telah mengunjunginya.

WORLD BOOK FAIR 2005 - Singapura

Oleh: Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal


Jabatan Mufti Kerajaan meneruskan jmatlamatnya mengembang dan menyebarluaskan ilmu dengan terus menyertai pesta-pesta buku di dalam dan luar negeri. Pesta buku terbaru yang disertai oleh Jabatan ini ialah *World Book Fair* (Pesta Buku Dunia), Suntec City, Singapura dari 27 Mei-6 Jun, 2005.

Penyertaan buat pertama kalinya di Singapura ini telah menarik perhatian berbagai pihak di Republik itu, dari golongan pemimpin hinggalah kepada masyarakat umum Singapura yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa dan agama.

Pesta Buku Dunia Singapura ini telah dibuka rasmi oleh Menteri Tenaga Manusia (Manpower) dan Menteri kedua bagi Pendidikan, Dr. Ng Eng Hen yang amat mengagumi bahan-bahan terbitan Jabatan ini terutamanya buku-buku himpunan fatwa dari tahun 1962-1999 hingga yang terbaru, termasuk buku *Monetary Issues*

Menurut salah seorang aktivis Muslim

Republik Singapura, penyertaan Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam di Pesta Buku Dunia ini bukan sahaja mewakili masyarakat Islam Negara Brunei Darussalam, tetapi juga masyarakat minoriti Islam Singapura dengan buku-buku Fatwa dan Irsyad yang mempunyai nilai ilmiah yang tinggi, di samping dapat berperanan menyebarkan ajaran Islam sebenar, sekaligus menangkis fahaman sesat Ahmadiyah (Qadiani) yang juga turut mengambil bahagian mempromosikan bahan-bahan terbitan mereka di pesta buku tersebut. Selain itu, menurutnya, Jabatan Mufti Kerajaan sebagai sebuah jabatan kerajaan Negara Brunei Darussalam dilihat sebagai sebuah institusi yang berautoriti di tengah-tengah berbagai institusi lain yang mengambil bahagian



Menteri Tenaga Manusia dan Menteri kedua bagi Pendidikan Dr. Ng Eng Hen ketika mendengar penerangan berhubung dengan bahan-bahan terbitan Jabatan Mufti Kerajaan di Pesta Buku Dunia Singapura.

yang majoritinya bukan beragama Islam.

Buku-buku yang mendapat sambutan menggalakkan daripada para pengunjung selain Fatwa dan Irsyad 2003 ialah Jambatan Ke Akhirat, *Monetary Issues*, Isu-Isu Kewangan dan Rawatan & Kesihatan.

PENGAKUAN SEBAGAI NABI DAN RASUL SELEPAS NABI MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASSALAM: HUJJAH MENOLAKNYA

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Buat kali keduanya, Bahagian Ifta, dan Bahagian Buhuth dan Irsyad, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri mengadakan Program Latihan Pembentangan Kertas Kerja. Majlis berlangsung pada hari Isnin 28 Rabiulakhir, 1426 bersamaan 6 Jun, 2005 di Syuura 3, Darulifta Brunei Darussalam.

Pembentangan kertas kerja kali ini bertajuk "Pengakuan Sebagai Nabi Dan Rasul Selepas Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam: Hujjah Menolaknya" disampaikan oleh Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof, Ketua Pegawai Penyelidik U gama.

Hadir di majlis tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai ilmu di Jabatan Mufti Kerajaan.

Program Latihan Pembentangan Kertas-Kerja ini antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan, pengalaman

Awang Haji Mazanan Bin Haji Yusof ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Pengakuan Sebagai Nabi Dan Rasul Selepas Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam: Hujjah Menolaknya.



Hadir di majlis Program Latihan Pembentangan Kertas Kerja ini ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili Bin Haji Mohiddin, Timbalan Mufti Kerajaan.

dan latihan selok-belok penulisan dan pembentangan kertas kerja di kalangan pegawai-pegawai ilmu (secara dalaman).

Program latihan ini yang pertama kalinya

telah diadakan pada 6 Safar, 1426 bersamaan 17 Mac, 2005 dengan tajuk kertas kerja Sejauh Mana Masalah Menjadi Dasar Dalam Pengeluaran Fatwa.

PESERTA KURSUS ANJURAN PDI LAWAT DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Dua rombongan peserta-peserta kursus anjuran Pusat Da'wah Islamiah telah mengadakan lawatan ke Darulifta Brunei Darussalam pada waktu yang berasingan, iaitu pada hari Rabu 15 Jamadilakhir, 1426 bersamaan 22 Jun, 2005 seramai lebih 20 orang peserta

Kursus Nadwah Kemurnian Rohani dan pada 29 Safar, 1426 bersamaan 9 April, 2005 pula serombongan peserta Kursus Bimbingan Lanjutan Saudara Baru.

Ketibaan rombongan telah dialu-alukan oleh Awang Haji Mohidin bin Haji

Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan dan pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan. Selepas mendengar taklimat mengenai sejarah institusi fatwa rombongan telah dibawa melawat ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassan al Bolkiah.



Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan ketika mengalu-alukan dan memberi taklimat kepada peserta Kursus Nadwah Kemurnian Rohani (atas kiri) dan peserta Kursus Bimbingan Lanjutan Saudara Baru (atas kanan) yang melawat Darulifta Brunei Darussalam.

Program Irsyad Jabatan Mufti Kerajaan *di*

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Program Irsyad ke Daerah Temburong pada 10 dan 11 Rabiulakhir, 1426 bersamaan 19 dan 20 Mei, 2005 sebagai destinasi pertama daripada berbagai rancangan memasyarakatkan fatwa dan irsyad ke daerah-daerah di negara ini.

Program yang diusahakan dengan kerjasama padu Pejabat Daerah Temburong itu dimulakan dengan Majlis Forum bertajuk Menyedari Kerugian Merokok yang diadakan pada malam 11 Rabiulakhir, 1426 bersamaan 19 Mei, 2005 bertempat di Dewan Kemasyarakatan Perpindahan Kampong Rataie.

Ahli panel pada malam itu terdiri daripada Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabudin, Pemangku Pegawai Daerah Temburong dan Dr. Haji Rozaimie bin Haji Tengah, Pegawai Perubatan Kanan, Kementerian Kesihatan. Forum dipengerusikan oleh Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Ketua Pegawai Istinbat, Jabatan Mufti



Program Irsyad ke Daerah Temburong antara lain diisikan dengan Majlis Forum bertajuk Menyedari Kerugian Merokok. Salah seorang ahli panelnya ialah Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Kerajaan.

Mesej yang telah disampaikan kepada para hadirin khususnya dan orang ramai amnya ialah: Tabiat merokok perlulah dihentikan kerana kerugian yang disebabkan oleh rokok ke atas ekonomi, kesihatan dan alam sekitar adalah besar untuk ditanggung oleh diri, keluarga

dan negara. Bagi orang Islam, rokok dan merokok telah difatwakan sebagai haram menurut syara'. Maka langkah untuk berhenti merokok hendaklah diazamkan. Lebih 400 orang penduduk Daerah Temburong telah menghadiri majlis forum tersebut.

Subuh hari Jumaat, 11 Rabiulakhir, 1426



Lebih 400 orang penduduk Daerah Temburong hadir mendengarkan forum di Dewan Kemasyarakatan Perpindahan Kampong Rataie. Sesi soal jawab juga telah diadakan semasa forum berlangsung.



Daerah Temburong



Awang Haji Mazanan bin Haji Mohd. Yusof, Ketua Pegawai Penyelidik Ugama di Jabatan Mufti Kerajaan, ketika menyampaikan kuliah Subuh di Masjid Kampung Batu Apoi.

bersamaan 20 Mei, 2005 pula telah diadakan Kuliah Subuh di tiga buah masjid, iaitu Masjid Kampung Perpindahan Rataie, Masjid Kampung Selangan dan Masjid Kampung Batu Apoi.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan berkhotbah Jumaat di Masjid Utama Mohammad Salleh.

Kesempatan lain ialah acara senam sihat dan futsal persahabatan di Kompleks Sukan Temburong di Batu Apoi. Program Irsyad ini akan diteruskan pula ke daerah-daerah lain di negara ini.



Kesempatan berada di Daerah Temburong telah digunakan dengan acara senam sihat dan perlawanan futsal persahabatan di antara Jabatan Mufti Kerajaan dengan Pejabat Daerah Temburong.



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan dan Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabudin, Pemangku Pegawai Daerah Temburong juga hadir semasa kuliah Subuh di Masjid Kampung Batu Apoi.



Awang Haji Japar bin Haji Maidin, Ketua Pegawai Istihsat di Jabatan Mufti Kerajaan ketika menyampaikan kuliah Subuh di Masjid Kampung Selangan.



Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat, Pegawai Penyelidik Ugama di Jabatan Mufti Kerajaan ketika menyampaikan kuliah Subuh di Masjid Kampung Perpindahan Rataie.

WALKATHON DONATION

Question:

I would like to request a *fatwā* regarding collection of donations through a "WALKATHON". According to the party concerned, part of the proceeds from this will be donated to the 'GOVERNMENT OFFICERS MOSQUE' fund.

Answer:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَبَعْدُ.

To donate or to collect donations or to dedicate property for a religious purpose, (*waqaf*) like building a mosque, or other such noble intentions, are encouraged in Islam. Building a mosque is an *'amal jariyah* (good deeds, rewards of which will continue to flow) bringing everlasting rewards, even after the death of the donor; for as long as people continue to benefit from the building thus erected.

It must be remembered that the source of the donation or the charity must be *halāl* so that the aim of obtaining approbation from Allah, and not anything else, is achieved.

The rule on what is *harām* in shari'ah law does not change even if the intentions of the donor are good. What is *harām* remains *harām* no matter how good and noble the intentions and the aims are. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* has said:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا

(رواه مسلم)

Meaning: "Verily Allah is good, (He) will not accept other than that which is good."
(*Hadith narrated by Muslim*)

He has also said:

مَنْ جَمَعَ مَالًا حَرَامًا ثُمَّ تَصَدَّقَ
بِهِ لَمْ يَكُنْ لَهُ فِيهِ أَجْرٌ وَكَانَ
إِصْرُهُ عَلَيْهِ

(رواه ابن خزيمة وابن حبان والحاكم)

Meaning: "Whosoever amasses wealth illegally (*harām*), and later donates it, will not obtain any reward at all; in fact his sins will befall him."

(*Hadith narrated by Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban and Al-Hakim*)

On the basis of the above, to donate through a walkathon or some other similar means, one needs to look at how the walkathon is conducted or managed.

If the management or the walkathon itself goes against *shara'*, then its proceeds will not be permissible by *shara'*. If the accumulated wealth comes from that which is not accepted by Allah, then not only is it rejected by Allah, it can also bring about sin to the user or the donor.

Examples of walkathons that are not in harmony with the laws of *shara'* are (those that involve):

- Mingling of men and women, especially if it involves exposing the *'awrah* (the portion of body that should be covered according to *shara'*).
- A fixed payment imposed on participation and offer of special prizes to winners, regardless of the size and cost of the prize. Such an activity resembles gambling because it has the elements of gambling which, among others, are: payment being a condition for participation and prizes being offered to winners.

Donations must be made with sincerity. Sincerity places a value on what is hoped for from Allah. An insincere donation makes the donor liable to securing whatever he had coveted for - whether it is connected to the material world or takes the form of a reward in the hereafter. This is explained by Allah:

مَنْ كَانَتْ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ

نَزِدَ لَهُ فِي حَرْثِهِ وَمَنْ كَانَتْ
يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا
وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ

(سورة الشورى : ٢٠)

Translated: "Whoever desires (with his efforts) the tillage of the Hereafter, We shall give him increase in his tillage, and whoever desires (with his efforts) the tillage of the life of this world, We shall give him of it (what We have decided), and in the Hereafter he shall have no share."

(*Sûrah ash-Shûrah: 20*)

If it is certain that the walkathon meets the demands of *shara'*, then the organisers can hold the walkathon and donate the proceeds to the Government Officers Mosque and contribute to the welfare fund of the department concerned. This is because both aims are good and the objectives are also clear. But, if it (the aim) is to do with sports, then the matter should be evaluated and studied in detail.

Islam does not forbid sports, in fact some of these sports are encouraged, as long as they do not differ from *shara'* law.

The sports practised today need proper attention because they are not free from what is prohibited by *shara'*. Sports may be performed with the *'awrah* (of the participants) exposed or with the mingling of men and women in a way that is not acceptable by *shara'*. (Sports may also) cause the neglect of some religious responsibilities. What is *halāl* is clear and what is *harām* is also clear. Should there be matters between the two which are vague, then they should be referred to those who are knowledgeable.

The organisers should be very clear about the type of sports they want to help so that it is clear to the donors too. The proceeds from the walkathon (acceptable by *shara'* as mentioned above) can then be shared out among sports activities that do not conflict with *shara'*. With this, the meaning of what Allah says below can then be achieved:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ

وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعُدْوَانِ

(سورة المائدة : ٢)

Translated: "Cooperate with all in what is good and pious, and do not cooperate in what is sinful and transgression."

(Sûrah al-Mâ'idah: 2)

In short, donating or giving charity must be from clean, lawful (*halâl*) wealth, coupled with sincere intentions of giving only for Allah and not for any other reason. Also, it should be given or donated for purposes which are permissible, and not in conflict with *shara'*.

All objectives or aims, in fact, all activities or that which is connected to the aim of the donation, should be in line with the demands of *shara'*. This is so because good intentions are inadequate and insufficient for as long as they are linked to matters which are *harâm* (unlawful) and which are prohibited by *shara'*. The *fihiyyah* procedure emphasises this:

النَّيَّةُ الْحَسَنَةُ لَا تُبْرِئُ الْحَرَامَ

Meaning: "Good intentions do not permit that which is *harâm*."

Do not ostensibly assign good names to certain ventures, like Charity Night, Charity Walkathon or other similar names if they cannot obliterate the nature of something *munkar* (forbidden) that exists within them. Everything in the form of good deeds (*'amal jariyah*) must be clean from anything that is *munkar*.

For example, to be expedient or to create whatever justifications, or to simply rename something without changing the real nature of it -- like calling alcohol various other names when the real nature of alcohol remains unchanged.

Such excuses and expediencies will not obliterate the real nature of what has been prohibited. This was the conduct of the Israelites which angered Allah as illustrated in *sûrah al-A'raf*, verse #163; they created a scheme to thwart the prohibition against fishing on Saturdays:

وَسَأَلَهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي
كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ
يَعْدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ تَأْتِيهِمْ

حِينَئِذِهِمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرْعًا
وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ
كَذَلِكَ تَبْلُوهُمْ بِمَا كَانُوا
يَفْسُقُونَ

(سورة الأعراف : ١٦٣)

Meaning: "And ask them (O Muhammad) about the sea-side town (dwellers), when its people transgressed the Sabbath, then their fish (which was a test for them) came to them on the Sabbath day, appearing on the surface of the water, and on the day on which was not the Sabbath, the fish did not come to them, thus We tested them because of their wickedness."

(Sûrah al-A'raf: 163)

The above verse clearly shows that the Jews, who were living by the beach and were fishermen, were prohibited from fishing on Saturdays, because Saturday was a day of rest for them. However, on Saturdays, fish appeared on the water's surface in abundance yet on other days, there were not that many fish.

Upon seeing so many fish on the prohibited Saturday, the less faithful Jews schemed and were expedient in going against the restriction by digging a canal (on Friday) so that the fish will enter the said drain on Saturday and will be caught on Sunday.

This was the Jews' scheme to catch fish. Schemes such as these were criticised by Rasulullah *Ṣallallahu 'alaihi wasallam* when he decreed:

لَا تَرْتَكِبُوا مَا ارْتَكَبَتِ الْيَهُودُ
فَتَسْتَحِلُّوا مَحَارِمَ اللَّهِ بِأَدْنَى
الْحِيلِ

(رواه ابو عبد الله بن بطة بإسناد جيد ويصحح مثله الترمذی)

Meaning: "Do not do as the Jews have done, they tried to render lawful what Allah has declared unlawful merely by giving flimsy excuses."

This *hadith* was narrated by Abu Abdillah bin Battah from a reliable source accepted as valid by at-Tirmidzi.

Therefore, we should be careful in doing something which may look good and beautiful externally but is in fact, against the law of *shara'*.

Such a nature persists with the Jews. Although they do not use the fat from carcasses because these are deemed unclean (*najis*), they still maintain that it can be sold and proceeds from the sale, be consumed. This problem was explained by Rasulullah *Ṣallallahu 'alaihi wasallam* in the *hadith* narrated by Jabir bin Abdullah *Radhiyallahu 'anhu*:

إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ حَرَّمَ بَيْعَ الْخَمْرِ
وَالْمَيْتَةِ وَالْخَنزِيرِ وَالْأَصْنَامِ ،
فَقِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ: أَرَأَيْتَ
شُحُومَ الْمَيْتَةِ فَإِنَّهَا يُطْلَى بِهَا
السُّفُنُ وَيُذْهَنُ بِهَا الْجُلُودُ
وَيَسْتَصْبِحُ بِهَا النَّاسُ ؟ فَقَالَ :
لَا ، هُوَ حَرَامٌ ، ثُمَّ قَالَ رَسُولُ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ
ذَلِكَ : قَاتِلَ اللَّهُ الْيَهُودَ إِنَّ اللَّهَ
لَمَّا حَرَّمَ شُحُومَهَا جَمَلُوهَا ثُمَّ
بَاعُوهَا فَأَكَلُوهَا ثَمَنَهُ

(متفق عليه)

Meaning: "Verily, Allah and His Messenger prohibit the sale of alcohol, carcasses, wines and statues." Then, someone asked: "O Rasulullah, what is the law on grease taken from carcasses as these are used to smear boats, to oil leather and used by people as oil for lamps." He replied: "No, (cannot), it remains *harâm*." After that he said: "May Allah slay the Jews, verily when Allah prohibited grease (to them), they later processed it, sold it and consumed the proceeds."

(Agreed upon)

Although the Jews do not use animal grease because it is *harâm*, they do sell it and consume the proceeds from the sale. Expediencies or schemes such as these will not alter the real, *harâm* nature within the product. It is the same when people excuse themselves by saying that they do not consume the proceeds from gambling but merely use it to buy things like car, parts and so on. Actually, the meaning of consumption includes benefitting from the profits obtained from gambling, and the law against that is still *harâm*.

والله أعلم

Ar-Ruba'i

Oleh: Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak

Abu Muhammad ar-Rubai' bin Sulaiman bin Abdul Jabbar bin Kamil al-Muradi, lahir pada tahun 174H. Mengikut riwayat murid beliau, Abu al-Fawaris as-Sindi, ar-Rubai' adalah saudara susuan al-Muzani. Dalam arena fiqh mazhab Syafi'e beliau lebih dikenali dengan panggilan ar-Ruba'i. Al-Muradi ialah asal usul suku beliau yang dikaitkan dengan Murad, salah satu suku besar di negeri Yaman. Ramai ulama besar yang berasal dari suku ini.

Guru Dan Murid-Muridnya

Guru-guru beliau antara lain ialah asy-Syafi'e, Abdullah bin Wahab, Abdullah bin Yusuf at-Tinnisi, Ayyub bin Suwaid ar-Ramli, Yahya bin Hassan, Asad bin Musa dan banyak lagi.

Murid-muridnya pula antara lain ialah Abu Dawud, an-Nasa'i, Ibn Majah, Abu Zur'ah ar-Razi, Abu Hatim dan anaknya Abdul Rahman, Zakariyya as-Saji, Abu Ja'far ath-Thahawi, Abu Bakar Abdullah bin Muhammad bin Zayyad an-Naisaburi, al-Hasan bin Habib al-Hasha'iri, Ibn Sha'id, Abu al-'Abbas al-Ashamm, Abu al-Fawaris as-Sindi dan at-Tirmidzi secara ijazah.

Dalam senarai tokoh dan pengembang mazhab Syafi'e yang dibuat oleh Dr. Ahmad Nahrawi Abdussalam, ar-Rubai' diletakkan dalam senarai yang keenam. Manakala al-'Abadi meletakkannya dalam senarai ketiga daripada *thabaqat* pertama.

Ar-Rubai' berkhidmat sebagai mu'azzin di Masjid Fustat yang lebih dikenali dengan Masjid 'Amr bin al-'Ash. Dalam pada itu beliau berkhidmat dengan Imam asy-Syafi'e dengan baik sehinggakan Imam asy-Syafi'e berkata: "Tidak ada khidmat sesiapa selama ini mengatasi khidmat ar-Rubai' bin Sulaiman kepadaku."

Beliau termasuk murid yang disayangi Imam asy-Syafi'e. Pada suatu hari Imam asy-Syafi'e berkata kepada ar-Rubai': "Jika aku berupaya memberi makan ilmu kepadamu, aku akan memberimu."

Sebagai seorang murid, beliau juga dikatakan sebagai sahabat Imam asy-Syafi'e dan periwayat kebanyakan kitab-kitabnya.

Ar-Ruba'i sendiri bercerita: "Saya mengunjungi Imam asy-Syafi'e ketika sakit yang membawa ajalnya. Di sana saya menemui al-Buwaithi, al-Muzani dan Ibn Abdul Hakam. Imam asy-Syafi'e memandang kami sambil berkata: "Engkau wahai Abu Ya'kub (maksudnya al-Buwaithi) akan mati dalam belenggu, engkau wahai al-Muzani akan menetap di Mesir dan tidak ke mana-mana, dan engkau akan mendapati dirimu pada masa itu orang yang paling bijak, engkau wahai Muhammad (maksudnya

Abdul Hakam) akan kembali semula ke mazhab Maliki, dan engkau wahai Ruba'i lebih banyak meriwayatkan kitab-kitabku. Bangunlah wahai Abu Ya'kub dan hidupakan halaqah."

Sebagai seorang murid yang menjadi penyalur dan pengembang ilmu gurunya, beliau mendapat pujian daripada Imam asy-Syafi'e dengan katanya: "Engkau adalah periwayat kitab-kitabku."

Berkat kata-kata gurunya itu, beliau kemudiannya dikunjungi ramai penuntut yang sekali gus menjadi anak muridnya untuk meriwayatkan pendapat-pendapat Imam asy-Syafi'e kepada mereka dan mendengar ilmu yang terkandung dalam kitab-kitab Imam asy-Syafi'e. Secara langsung beliau telah turut mengkader ahli-ahli ilmu yang bermazhab Syafi'e yang kelak menjadi pengembang mazhab ini. Beliau dikatakan murid Imam Syafi'e terakhir yang menyalur dan mengembangkan mazhab Syafi'e di bumi Mesir.

Periwayat Yang Dipercayai

Beliau adalah seorang periwayat yang *tsiqah* (dipercayai) dan murid Imam asy-Syafi'e yang paling kuat hafalan. Sehinggakan sesetengah ulama berpendapat jika pendapatnya bertentangan dengan pendapat al-Muzani dalam periwayatan, para ulama mazhab Syafi'e mendahulukan pendapatnya. Mengikut mereka ilmu al-Muzani memang lebih luas berbanding ilmu ar-Rubai', tetapi dari sudut ingatan dan hafalan ar-Rubai' lebih didahulukan.

Oleh itu ramai para imam besar ahli hadis meriwayatkan hadis-hadis riwayatnya dalam kitab-kitab mereka. Antara imam-imam hadis itu ialah Ibn Khuzaimah dalam kitab *Shahihnya*, Ibn Hibban dan al-Hakim. Untuk ini al-Khalil berkata: "*Ar-Rubai' adalah seorang tsiqah (dipercayai) dengan sepakat ulama.*" Manakala jauh sebelumnya saudara sepegurannya al-Buwaithi sendiri berkata: "*Ar-Rubai' lebih tsabit berbanding aku dalam ilmu as-Syafi'e.*"

Hormat Kepada Guru, Sabar Dan Teguh Pendirian

Ar-Ruba'i *Rahimahullah* sangat hormat kepada gurunya Imam as-Syafi'e sehinggakan dalam adab makan minum beliau dipengaruhi oleh penghormatan ini. Beliau berkata: "Demi Allah, aku tidak tergamak meminum air sedangkan asy-Syafi'e sedang memandang aku kerana karisma asy-Syafi'e."

Al-Qaffal dalam fatwanya menyebutkan bahawa pada mulanya ar-Rubai' semasa waktu belajar lambat memahami pelajaran yang disampaikan Imam asy-Syafi'e. Sehinggakan ada kalanya walaupun Imam asy-Syafi'e mengulang-ulang satu masalah kepadanya sebanyak empat puluh kali beliau masih belum faham. Pada satu ketika sedang beliau mengikuti majlis ilmu Imam

asy-Syafi'e, beliau bangkit dan meninggalkan majlis ilmu itu kerana terasa malu. Selesai majlis, Imam asy-Syafi'e memanggilnya ke tempat sunyi dan mengulang-ulang masalah yang diajarkannya sehingga beliau faham.

Walaupun beliau lambat faham, namun beliau tidak putus asa, beliau terus sabar belajar. Berkat kesabarannya itulah beliau terkenal sebagai tokoh periwayat yang dipercayai.

Walaupun ar-Ruba'i menjadikan Imam asy-Syafi'e sebagai guru utama dan mengikuti mazhabnya, namun dalam beberapa persoalan beliau tidak seialiran dengan pendapat Imam asy-Syafi'e. Misalnya dalam periwayatan hadis, Imam asy-Syafi'e berpendapat tidak memerlukan ijazah, manakala ar-Ruba'i berpendapat sebaliknya.

Kata-kata Imam Asy-Syafi'e, Riwayat Ar-Ruba'i dan Syair

1. Aku tidak pernah bersumpah di atas nama Allah, sama ada dalam perkara yang benar atau bohong, dan sama ada yang betul-betul atau main-main.
2. Demi Allah yang tidak ada tuhan melainkan Dia, sekiranya aku tahu meminum air sejuk menurunkan maruahku, aku tidak akan meminumnya.
3. Simpanan yang paling berguna ialah taqwa dan yang paling merugikan ialah permusuhan.
4. Tidak mengapa menjampi dengan *Kitabullah* atau zikir kepada Allah.
5. Apabila sesuatu itu sempit, ia akan menjadi luas, dan apabila ia luas, ia akan menjadi sempit.

Antara syair ar-Rubai' pula:

Sabar indah menyegerakan keselesaan
Sesiapa membenarkan urusan Allah akan selamat
Sesiapa *khasyiyah* kepada Allah tidak ditimpa kesakitan
Sesiapa mengharap Allah di mana saja tetap ada.

Wafat

Ath-Thahawi berkata: "Ar-Rubai' bin Sulaiman, mu'azzin Masjid Fustat, wafat pada hari Isnin dan dikuburkan pada hari Selasa, 21hb. Syawal, tahun 270H. Beliau disembahyangkan oleh Amir Khumrawaih bin Ahmad Thalun.

Radiallah 'anh.

(Rujukan: Abu 'Ashim Muhammad bin Ahmad al-'Abadi, *Kitab Thabaqat al-Fuqahā' asy-Syafi'iyah*, asy-Syirazi, *Thabaqat al-Fuqahā'*, Taj ad-Din as-Subuki, *Thabaqat asy-Syafi'iyah al-Kubrā*, az-Zahabi, *Tadzkirah al-Huffāh*, Nazir Muhammad Maktabi, *Safahāt Musyriqah*, asy-Syirazi, dan Ibn Khalikan, *Wafāyat al-A'yan*)

Raja Yang Zuhud

Oleh: Abu Qasim Ismail

Ibrahim bin Adham atau nama asalnya ialah Abu Ishak Ibrahim bin Adham dilahirkan daripada keluarga bangsawan Arab yang kaya raya. Beliau terkenal sebagai seorang raja Balkh yang sangat luas wilayah kekuasaannya. Ke mana saja pergi, beliau akan diiringi empat puluh bilah pedang emas dan empat batang tongkat kebesaran emas diusung di depan dan belakangnya. Nama beliau berada dalam tinta sejarah daripada seorang raja yang masyhur kepada ahli sufi yang terkenal.

Bermulanya perubahan kehidupan Ibrahim bin Adham apabila pada suatu malam ketika baginda tertidur di bilik istananya, langit-langit di biliknya bergerak seolah-olah ada seseorang yang sedang berjalan di atas atap. Ibrahim terjaga dan berseru: "Siapakah itu?"

"Saya adalah seorang sahabat, untaku hilang, aku sedang mencarinya di atas atap ini." Terdengar sahutan dari atas.

"Bodoh, tidak ada orang mencari unta di atas atap!" Ibrahim menengkingnya.

"Wahai manusia yang lalai, apakah engkau hendak mencari Allah *Subhanahu wata'ala* dengan berpakaian sutera dan tidur di atas tilam emas?" Jawab suara itu penuh simbolik.

Kata-kata ini sangat menggetarkan hati Ibrahim. Ia sangat gelisah dan tidak dapat meneruskan tidurnya sehingga pagi. Seperti kebiasaannya, di sebelah siang Ibrahim berada di atas singgahsannya untuk mendengar pengaduan dan masalah rakyat jelata. Tetapi hari itu keadaannya berlainan, dirinya gelisah dan banyak termenung.

Para menteri, pembesar istana dan rakyat yang hadir merasa hairan melihat perubahan yang terjadi dengan tiba-tiba kepada raja mereka.

Tiba-tiba masuk seorang lelaki berwajah menakutkan ke dalam ruangan perjumpaan itu. Tidak seorangpun di antara askar dan pengawal istana yang berani menanyakan sesuatu dan menghalangnya masuk. Kejadian berlaku begitu pantas, semua lidah menjadi kelu. Lelaki itu melangkah ke depan Ibrahim Adham.

"Apakah yang engkau inginkan daripada aku?" Tanya Ibrahim.

"Aku baru sahaja sampai, bagilah aku rehat dulu", jawab lelaki itu.

"Ini bukan tempat persinggahan kafilah. Ini istanaku. Lagak engkau seperti orang gila saja!" Ibrahim menengking.

"Siapa pemilik sebenar istana ini sebelum engkau?" Tanya lelaki itu.

"Ayahku!" Jawab Ibrahim pendek.

"Sebelum ayahmu?"

"Datukku!"

"Sebelum dia?"

"Datuk kepada datuk-datukku!"

"Ke manakah mereka sekarang ini?" Tanya lelaki itu.

"Mereka telah meninggalkan dunia ini", jawab Ibrahim.

"Jika demikian, tidakkah ini sebuah persinggahan yang diduduki oleh seseorang kemudian ditinggalkannya dan diganti oleh yang lain pula?" Kata lelaki itu.

Tersentak juga hati Ibrahim mendengar

kata-kata lelaki itu. Belum sempat Ibrahim menjawab, lelaki itu mengundur ke belakang dan tiba-tiba ghaib di tengah orang ramai. Banyak para alim ulama membuat tafsiran sesungguhnya lelaki itu adalah Nabi Khidhir 'Alaihissalam yang sengaja datang mengetuk hati raja Ibrahim bin Adham yang semakin lalai dengan tipsu daya dunia.

Kegelisahan Ibrahim semakin menjadi-jadi sejak kejadian tersebut. Ia dihantui oleh bayangan dan suara lelaki itu sejak peristiwa di istananya. Akhirnya kerana tidak tahan lagi Ibrahim memerintah pengawalnya: "Persiapkan kudaku yang terbaik! Aku hendak pergi berburu. Ya, Allah! Bilakah semua ini akan berakhir?"

Ibrahim bin Adham dan rombongan terus merentasi padang pasir yang luas saujana mata memandangnya. Baginda memacu kudanya begitu laju sehingga akhirnya terpisah dengan rombongan tersebut. Dalam mencari jalan keluar baginda terlihat seekor rusa. Tiba-tiba Ibrahim ghairah hendak memburu rusa itu. Belum sempat berbuat apa-apa rusa itu berkata kepadanya: "Wahai manusia yang lalai, aku disuruh oleh Allah *Subhanahu wata'ala* memburumu. Engkau tidak dapat menangkapku. Bertaubatlah, untuk inilah engkau diciptakanNya?"

Ibrahim yang di dalam ketakutan itu tiba-tiba terkejut dengan kata-kata itu. Baginda langsung tidak terfikir selama ini untuk apa baginda dicipta ke dunia. Sekarang keyakinan serta keimanannya telah tertanam di dalam dadanya. Seluruh pakaian dan tubuh kudanya basah oleh cucuran air mata penyesalannya selama ini. Dengan sepenuh hati Ibrahim bertaubat kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Dalam keadaan panas terik itu, baginda meninggalkan kudanya dengan berjalan kaki yang akhirnya baginda bertemu dengan seorang penggembala yang sedang menjaga sekumpulan

kambing-kambingnya.

Tiba-tiba Ibrahim meminta keizinan untuk menyerahkan bajunya yang bersulam emas serta topinya yang bertatahkan batu-batu permata yang sangat mahal harganya. Sebaliknya baginda mengenakan pakaian dan topi gembala itu yang diperbuat daripada kulit dan bulu kambing. Gembala kambing itu melihat kelakuan Ibrahim itu dengan penuh kehairanan. Semua malaikat menyaksikan perbuatan Ibrahim itu dengan penuh kekaguman sehingga salah satu malaikat berkata: "Lihat, betapa megahnya kerajaan yang diterima putera Adham sebelum ini, akhirnya telah mencampakkan pakaian dunia yang kotor dan menggantinya dengan jubah kesedaran."

Dengan berjalan kaki Ibrahim mengembara merentasi gunung dan menyusuri padang pasir yang luas sambil menginsafi dosa-dosa yang pernah dilakukannya. Akhirnya sampailah baginda di sebuah gua. Ibrahim yang dulunya seorang raja yang hebat akhirnya menyendiri dan berkhawatir di dalam gua selama sembilan tahun. Selama di dalam gua itulah Ibrahim betul-betul mengabdikan dirinya kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Setiap hari Khamis baginda ke pekan bernama Nishapun untuk menjual kayu api. Setelah sembahyang Jumaat baginda pergi membeli roti dengan wang yang diperolehinya. Roti itu separuh diberikan kepada pengemis dan separuh lagi untuk berbuka puasa. Demikianlah yang dilakukannya setiap minggu.

Akhirnya baginda mengambil keputusan keluar dari gua tersebut untuk merantau lagi merentasi padang pasir yang terbentang luas itu. Baginda tidak tahu lagi ke mana hendak ditujui. Setiap kali baginda berhenti di sebuah perkampungan, baginda kumpulkan orang-orang setempat untuk memberitahu betapa kebesaran Allah terhadap hambaNya dan azab yang akan diterima oleh sesiapa yang mengingkarinya. Justeru itu banyaklah

orang yang akrab dengannya dan ada yang menjadi muridnya. Baginda mengharungi padang pasir itu empat belas tahun lamanya. Selama itu pula baginda berdoa dan merendahkan dirinya serta *tawaddhu'* kepada Allah *Subhanahu wata'ala*. Nama Ibrahim pula mula disebut-sebut orang; dari seorang raja berubah menjadi seorang ahli sufi yang merendah diri.

Pernah dalam perjalanannya baginda diuji. Disebabkan *kewara'an* baginda itu ada seorang kaya datang menemuinya untuk mengambil *tabarruk* ke atas baginda dengan memberi wang yang sangat banyak kepada Ibrahim. "Terimalah wang ini, semoga berkah", katanya kepada Ibrahim.

"Aku tidak mahu menerima sesuatupun daripada pengemis", jawab Ibrahim.

"Tetapi aku adalah seorang yang kaya", pintas orang kaya orang itu.

"Apakah engkau masih menginginkan kekayaan yang lebih besar daripada apa yang telah engkau miliki sekarang ini?" tanya Ibrahim.

"Ya, kenapa tidak?" Jawabnya ringkas.

"Simpanlah wang ini kembali, bagi aku, engkau adalah ketua para pengemis di sini. Bahkan engkau bukan seorang pengemis lagi tetapi seorang yang sangat miskin dan meminta-minta." Tegur Ibrahim.

Kata-kata Ibrahim itu membuatkan orang kaya itu tersentak seketika. Penolakan pemberiannya oleh Ibrahim disertai dengan kata-kata yang sinis lagi pedas itu turut meninggalkan kesan yang mendalam kepada dirinya. Dengan peristiwa tersebut orang kaya itu bersyukur kepada Allah kerana pertemuan dengan Ibrahim itu membuatkan dirinya sedar akan tipu daya dunia ini. Beliau lalai dengan nafsu yang tidak pernah cukup daripada apa yang diperolehinya selama ini.

Suatu ketika sedang Ibrahim bin Adham

menjahit jubah buruknya di tepi sungai Tigris baginda ditanya oleh sahabatnya: "Engkau telah meninggalkan kemewahan kerajaan yang besar. Tetapi apakah yang engkau telah perolehi sebagai imbalannya?"

Disebabkan soalan yang tidak disangka-sangka itu keluar dari mulut sahabatnya sendiri maka dengan tiba-tiba jarum di tangannya terjatuh ke dalam sungai itu.

Sambil menunjukkan jarinya ke sungai itu Ibrahim berkata, "Kembalikanlah jarumku!"

Tiba-tiba seribu ekor ikan mendongakkan kepalanya ke permukaan air. Masing-masing ikan itu membawa sebatang jarum emas di mulutnya.

Ibrahim berkata: "Aku inginkan jarumku sendiri."

Seekor ikan kecil yang lemah datang menghantarkan jarum besi kepunyaan Ibrahim di mulutnya.

"Jarum ini adalah salah satu di antara imbalan-imbalan yang ku perolehi, kerana meninggalkan kerajaan Balkh. Sedangkan yang lainnya belum tentu untuk kita, semoga engkau mengerti." Kata Ibrahim Adham dengan penuh kiasan.

Begitulah kehidupan seorang raja Balkh yang bernama Ibrahim bin Adham yang luas pemerintahannya dan hidup di dalam kemewahan, tetapi akhirnya berkelana menjadi ahli sufi yang terkenal. Baginda menemui Allah *Subhanahu wata'ala* pada tahun 165H/782M di negeri Persia. Taubat Ibrahim itu merupakan sebuah kisah yang sangat unik bagi umat Islam yang merintis kehidupan yang penuh dengan tipu daya di dunia ini. *Wallahu 'alam*.

Dipetik dari Tazkirat al-Aulia karangan Farid ad-Din Attar, Mukhtashar ar-Raudah ar-Rauyyahin Fi Manaqib as-Salihin karangan Abu Mazaya al-Hafiz.

Sejarah Perkembangan Institusi Fatwa

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Jabatan Mufti Kerajaan sebelum menjadi sebuah Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, pada 3 Jamadilakhir, 1415 bersamaan 7 November, 1994, merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama, dari tahun 1962 – 1986. Apabila Jabatan Hal Ehwal Ugama dinaikkan tarafnya menjadi Kementerian Hal Ehwal Ugama, institusi fatwa diletakkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Syara'iah.

Perkara ini dijelaskan oleh Awang Haji Yakob bin Haji Metali, Ketua Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Mufti Kerajaan kepada seramai lebih 40 orang peserta-peserta Kursus / Bengkel Menghalusi Kefahaman Ajaran Ugama Islam Bagi Pentadbir dan Guru-Guru Sekolah Rendah dan Menengah Kumpulan G Tahun 2005 yang mengadakan lawatan ke Darulifta Brunei Darussalam pada hari Rabu 1 Jamadilawal, 1426 bersamaan 8 Jun, 2005.

Selain itu mereka juga telah diberikan taklimat tentang tugas dan fungsi Jabatan Mufti Kerajaan yang utama iaitu untuk mengeluarkan fatwa dan irsyad dan komited menjadi pusat rujukan ilmu dan

maklumat Islam.

Kunjungan rombongan ke Darulifta Brunei Darussalam diakhiri dengan lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Para pelawat juga diberi kesempatan untuk mengemukakan pertanyaan agar maklumat yang diterima mudah difahami.



Rombongan pelawat yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah dan menengah juga berkesempatan melawat Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Seminar KEBANGSAAN MENGENAI SAINS dari PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Fakulti Sains, Universiti Brunei Darussalam telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Mengenai Sains Dari Perspektif Islam selama dua hari bermula 23 - 24 Jamadilawal, 1426 bersamaan 30 Jun - 1 Julai 2005 bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Seminar telah dibuka rasmi oleh Yang


Berhormat Menteri Pendidikan, Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Di seminar itu, sebanyak 5 kertas kerja telah dibentangkan. Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan telah di minta

menyampaikan ucapatama bertajuk Islam Dan Sains.



Yang Berhormat Menteri Pendidikan Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib ketika berucap merasmikan Seminar Kebangsaan Mengenai Sains Dari Perspektif Islam.



Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan ketika menyampaikan ucapatama di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

NAFKAH ISTERI....

Oleh: Hajah Safiyah binti Haji Tuah

BILA BERHAK ?

Antara tanggungjawab atau kewajipan suami terhadap isteri dan orang-orang yang di bawah tanggungannya ialah nafkah.

Dalam keluaran yang lalu telah dijelaskan berhubung dengan pengertian dan pembahagian nafkah dan syarat untuk mendapatkan nafkah. Selain itu juga dijelaskan dua daripada tujuh hak-hak yang wajib terhadap isteri menurut asy-Syeikh asy-Syarbini, iaitu nafkah makanan dan kewajipan menyediakan makanan. Apakah pula kewajipan suami dalam perkara pakaian, pembantu rumah dan tempat tinggal? Ikuti penjelasan seterusnya.

Kewajipan Menyediakan Tempat Tinggal

Tempat tinggal seringkali menjadi isu pertengkaran pasangan suami isteri, sama ada yang baru berumah tangga atau sebaliknya kerana masing-masing mahu tinggal di rumah ibu bapa sendiri. Sebab itulah para suami wajib menyediakan tempat tinggal atau rumah untuk isterinya sama ada dengan membeli, menyewa, meminjam atau didapatkan melalui wakaf. Hal ini sesuai dengan firman Allah:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ
وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَارُّوهُنَّ
لِتُضِيقُوا عَلَيْهِنَّ

(سورة الطلاق: ٦)

Tafsirnya: "Tempatkanlah isteri-isteri kamu itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan untuk menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu)."

(Surah ath-Thalâq: 6)

Ulama juga sepakat mensyaratkan bahawa rumah yang disediakan itu

hendaklah sempurna sebagaimana kelazimannya iaitu mempunyai kemudahan-kemudahan seperti dapur dan perkakasnya, bilik air dan sebagainya, kecuali bagi suami yang tidak mampu mengadakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Menurut al-Khatib asy-Syarbini bahawa tidak gugur nafkah isteri sekalipun isteri itu keluar rumah tanpa izin suami dan dia tidak dianggap *musyûz* dalam beberapa keadaan:

- i) Apabila rumah tempat tinggal itu hendak runtuh.
- ii) Apabila dipaksa keluar dari rumah itu secara zalim.
- iii) Apabila isteri bersendirian dalam rumah dan bimbang akan diri dan hartanya daripada orang *fâsiq* dan pencuri.
- iv) Apabila dihalau keluar oleh tuan yang empunya (rumah sewa atau seumpamanya) selain rumah suami.
- v) Apabila isteri keluar menemui kadi atau hakim bagi menuntut haknya daripada suami.
- vi) Apabila hendak memohon fatwa.
- vii) Apabila isteri menziarahi atau mengucapkan ta'ziah kepada kerabat seperti bapa atau jiran, ketika suami berada di luar daerah

atau negeri. Menurut al-Khatib asy-Syarbini kebiasaan (*'urf*) seperti ini tidak dianggap *musyûz*.

Dalam hal ini Imam asy-Syafi'e menjelaskan bahawa suami mempunyai hak melarang isteri keluar rumah bagi menziarahi kedua ibu bapanya sama ada mereka masih hidup atau sebaliknya. Walau bagaimanapun adalah sunat (*mustahab*) bagi suami memberi kebenaran kepada si isteri menjenguk kedua ibu bapanya, apatah lagi menziarahi mayat mereka, kerana melarang isteri keluar menziarahi itu boleh menimbulkan atau mendatangkan kebencian, sedangkan sikap benci membenci itu adalah ditegah oleh Islam.

Adapun keluar kerana mencari nafkah seperti berniaga atau bekerja disebabkan oleh suami yang melarat tidak dianggap *musyûz*, sebagaimana menurut pengarang kitab Fath al-Mu'in.

Kewajipan Suami Menyediakan Pembantu

Imam an-Nawawi menyebutkan bahawa perempuan itu ada dua kategori iaitu perempuan yang kebiasaannya mempunyai pembantu dan tidak mempunyai pembantu.

Menurut mazhab asy-Syafi'e tidak wajib menyediakan pembantu bagi isteri, jika suami tidak mampu. Walau bagaimanapun suami dituntut menyediakan pembantu jika isteri daripada keluarga yang kebiasaannya mempunyai pembantu.

Nafkah 'Iddah

Nafkah bukan saja wajib bagi isteri yang masih dalam ikatan perkahwinan, malah juga wajib diberikan kepada isteri yang telah diceraikan yang sedang dalam *'iddah*. Perempuan yang ber'*'iddah raj'i* berhak mendapatkan nafkah berdasarkan firman Allah:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ

(سورة الطلاق: ٦)

Tafsirnya: "Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani 'iddahnya) itu di tempat kediaman kamu."

(Surah ath-Thalâq:6)

Begitu juga dengan isteri hamil yang ditalak, mereka juga berhak mendapat nafkah. Firman Allah:

وَإِنْ كُنَّ أُولَاتٍ حَمْلٍ فَأَنْفِقُوا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

(سورة الطلاق: ٦)

Tafsirnya: "Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya."

(Surah ath-Thalâq:6)

Berdasarkan ayat di atas nafkah adalah wajib ke atas perempuan hamil yang ber'iddah sama ada kerana talak raj'i atau talak bâ'in.

Menurut al-Khatib asy-Syarbini tidak wajib nafkah terhadap isteri yang ber'iddah kerana kematian suami sekalipun sedang mengandung sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam yang bermaksud: "Tidak (berhak) nafkah bagi isteri hamil yang kematian suami."

(Hadis riwayat ad-Daraquthni dengan isnâd yang shâhih).

Manakala bagi perempuan yang sedang ber'iddah bâ'in dan tidak hamil hanya berhak menerima tempat tinggal tanpa nafkah dan *kiswah* (pakaian).

Perempuan Yang Tidak Berhak Menerima Nafkah

Imam an-Nawawi menyebutkan bahawa perempuan yang tidak berhak untuk menerima nafkah itu terdiri daripada:

- Isteri yang masih kecil (belum disetubuhi) sekalipun dia sudah menyerahkan dirinya untuk dicampuri. Berdasarkan *sunnah*

Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ketika berkahwin dengan 'Aisyah Radhiallahu 'anha, Baginda tidak memberi nafkah selama dua tahun kerana belum menggaulinya. Sebaliknya jika yang masih kecil itu ialah suami sedangkan isteri sudah *baligh*, maka wajib bagi suami yang kecil itu memberi nafkah kepada isterinya.

- Apabila isteri berpindah dari rumah suaminya ke rumah lain tanpa alasan *syar'i* atau pergi musafir tanpa izin suami.
- Apabila isteri berpuasa sunat atau beri *'tikâf* sunat tanpa izin suami.
- Apabila isteri *nusyûz* (derhaka, berbuat maksiat terhadap suaminya atau tidak mematuhi).

Sebab-sebab di atas adalah penyebab seorang isteri itu tidak berhak menerima nafkah, kerana dia telah menghalangi hak suami untuk menikmati dirinya tanpa uzur yang dibenarkan oleh syara'.

Para ulama juga sepakat mengatakan bahawa isteri yang dipenjarakan kerana melakukan kejahatan atau seumpamanya tidak wajib diberikan nafkah.

Berdasarkan penjelasan di atas, kita selaku isteri sewajarnya akur dengan ketetapan hukum yang telah digariskan. Dalam apa jua keadaan, sama ada suami itu kaya atau miskin, berpangkat atau tidak, berpendapatan tinggi atau rendah, suami masih tetap mempunyai satu darjat kelebihan ke atas kita selaku isteri kerana suamilah yang berkuasa mengawal dan memberi nafkah orang-orang yang di bawah tanggungannya sebagaimana firman Allah:

وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ

(سورة البقرة: ٢٢٨)

Tafsirnya: "Dan dalam pada itu orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isteri-isteri)."

(Surah al-Baqarah: 228).

Ringkasnya, seorang isteri adalah menanggung kewajiban terhadap

suaminya yang wajib dilaksanakannya dengan cara yang baik, maka begitu pula suami menanggung kewajiban terhadap isteri dan orang yang di bawah tanggungannya yang wajib dilaksanakannya dengan cara yang baik juga. Jangan sampai ada sesetengah suami yang tega memperlakukan isteri dengan sewenang-wenangnya dengan tanggapan dia mempunyai kuasa dan berhak melakukan apa saja sesuka hati tanpa memikirkan hak isteri. Sedangkan para isteri juga mempunyai hak, sebagaimana yang dijelaskan dalam firman Allah:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ

(سورة البقرة: ٢٢٨)

Tafsirnya: "Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (tidak dilarang oleh syara')."

(Surah al-Baqarah : 228)

Oleh yang demikian selaku seorang isteri hendaklah sentiasa menjaga kepentingan suami. Bagi masyarakat kita orang Melayu khususnya, rata-rata isteri bertanggungjawab dengan kerja-kerja rumah tidak kira isteri itu bekerja atau tidak, manakala suami pula hanya membantu. Tetapi tidaklah menjadi kesalahan, malah amat membanggakan jika ada suami yang berminat dan bersedia melakukan kerja-kerja di rumah seperti memasak, mengasuh anak, menggosok pakaian sendiri dan sebagainya, kerana Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam juga melakukan perkara-perkara tersebut, sementara isteri pula bekerja di luar seperti berniaga dan sebagainya di atas kerelaan suami bagi menampung atau meningkatkan taraf hidup.

Sehubungan dengan itu, bagi menjaga keharmonian berumah tangga, suami isteri perlu menanamkan sifat saling bertolak ansur, bertimbang rasa, tolong menolong dan sayang menyayangi di antara satu sama lain.

QARI', QARI'AH MUSABAQAH TILAWATIL QUR'AN BELIA ASIA TENGGARA LAWAT DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Serombongan qari' dan qari'ah, Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara bersama dengan pegawai dan pengiring mereka telah berkesempatan untuk melihat dan mengetahui lebih dekat lagi tentang fungsi dan peranan Jabatan Mufti Kerajaan.

Mereka telah dibawa melawat Darulifta Brunei Darussalam pada 26 Safar, 1426 bersamaan dengan 6 April, 2005.

Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan ketika mengalu-alukan kedatangan mereka, telah menjelaskan tentang sejarah perkembangan institusi fatwa di negara ini.

Kemudian rombongan pelawat telah dibawa menyaksikan Pameran Dan Sejarah Perkembangan Institusi Fatwa dan juga Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, tiga malam berturut-turut bermula 6 - 8 April, 2005.



Dato Paduka Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran, Jabatan Mufti Kerajaan ketika mengalu-alukan rombongan pelawat.



Para pelawat juga dibawa melawat Pameran Sejarah Perkembangan Institusi Fatwa yang terletak di blok Pentadbiran, Darulifta Brunei Darussalam.

MEMPROMOSI BUKU JMK *Semasa Perhimpunan Khas Wanita*

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Dalam usaha untuk meluaskan pengedaran buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri berbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan termasuklah menyertai pesta-pesta buku yang diadakan di luar dan di dalam negeri.

Pada hari Selasa 17 Rabiulawal, 1426 bersamaan 26 April, 2005 promosi jualan buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan telah diadakan ketika Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam tahun 1426 Hijriyah bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Semasa promosi jualan itu buku-buku telah dijual dengan diberi potongan harga sehingga 50 peratus. Buku yang mendapat perhatian dan sambutan ialah Jambatan Ke Akhirat, Rawatan dan Kesihatan, Fatwa dan Irsyad Hukum 2003.



Buku yang mendapat perhatian dan sambutan semasa promosi jualan Perhimpunan Khas Wanita ialah Jambatan Ke Akhirat. Buku ini telah diulang cetak setelah cetakan pertama habis dijual dalam waktu yang singkat.

TSUNAMI

Satu I'tibar

**KINI DI
PASARAN**

Tsunami adalah satu *i'tibâr*. Jangan ia lekas-lekas di lupakan. *I'tibâr* sangat berharga. Tidak boleh dianggarkan dengan angka. Harga *i'tibâr* membuahkan keinsafan dan kesedaran.



**\$ 7.00
SENASKAH**

Hanya boleh didapati di kedai-kedai buku terpilih atau datang terus ke
Bahagian Penerbitan dan Penerangan,
Jabatan Mufti Kerajaan,
Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja,
BSB, BA 2112, Negara Brunei Darussalam.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, anakanda-anakanda dan adinda baginda ketika berkenan mengepalai perarakan mengelilingi ibu negara.

yang disiarkan ke seluruh negara menerusi Radio dan Telavisyen Brunei pada malam 12 Rabiulawal, 1426 bersamaan 21 April, 2005.

Baginda menyeru umat Islam agar banyak mempelajari ajaran Nabi kita Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam seperti sikap prihatin Baginda terhadap kesejahteraan hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

"Salah satu sikap tersebut ialah menggalakkan umat Baginda supaya sentiasa berusaha atau bekerja bagi mencari rezeki yang halal," titah baginda.

Dalam hubungan ini, baginda mengingatkan umat Islam agar sentiasa berkewajipan untuk berfikir dan bertindak sesuai dengan sikap dan petunjuk Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam ini, kerana bekerja dan berusaha untuk mencari rezeki merupakan suatu tuntutan agama yang perlu dilaksanakan.

Menyentuh mengenai golongan belia di negara ini, baginda menyeru agar golongan belia, khasnya yang berilmu dan mempunyai kemahiran, mestilah bergerak dan berusaha dengan sepenuh tenaga untuk mengisi peluang-peluang pekerjaan mencari rezeki yang halal lagi bersih.

Baginda bertitah, menurut statistik, pada tahun 2004, jumlah anak tempatan yang berdaftar mencari pekerjaan ialah seramai 7,784 orang, sedangkan pekerja asing yang bekerja di negara ini berjumlah 75,273 orang. Berdasarkan statistik tersebut, sepatutnya, tidaklah akan berlaku pengangguran di kalangan anak-anak tempatan di negara ini.

Menyentuh mengenai isu pengangguran, baginda bertitah, bahawa kerajaan baginda telah memberikan peluang kepada semua golongan untuk memperolehi kemahiran

bekerja dan pengalaman berusaha yang dapat meningkatkan mobiliti mereka dan ini merupakan pelaburan yang penting serta dapat memberikan manfaat secara keseluruhan.

Berhubung dengan perkara ini, baginda menjelaskan, adalah tidak terlalu sukar untuk memperolehi kemahiran bekerja serta pengalaman berusaha yang telah diperkenalkan oleh kerajaan baginda di negara ini. Namun sejauh mana ia mencapai matlamatnya, mungkin saja tidak terlepas daripada beberapa sebab tertentu, di antaranya sikap individu itu sendiri.

Baginda seterusnya menegaskan, jika benar, di antara sebab pengangguran ini berpunca daripada sikap individu, maka adalah perlu ianya diperbaiki oleh individu itu sendiri, di samping menguatkan semangat dan azam bagi melepaskan diri daripada belenggu pengangguran, sejajar dengan garis pandu, betapa pahala bagi orang yang berbelanja menanggung nafkah orang-orang yang di bawah tanggungjawabnya itu adalah sangat besar, sebagaimana maksud hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam yang bermaksud: *"Satu dinar yang engkau belanjakan pada jalan Allah dan satu dinar yang engkau belanjakan pada seorang hamba dan satu dinar yang engkau sedekahkan kepada orang miskin dan satu dinar yang engkau belanjakan kepada keluargamu, pahala yang paling besar ialah dinar yang engkau belanjakan terhadap keluargamu."*

"Jika kita amat-amati sikap dan prihatin Baginda ini, adalah jelas bahawa bekerja dan berusaha itu menjadi syarat asasi untuk memperolehi kebahagiaan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara," titah baginda.

Pada pagi hari Khamis, 12 Rabiulawal, 1426 bersamaan 21 April, 2005 Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan mengepalai perarakan sejauh 4.3 kilometer mengelilingi ibu negara.

Berangkat sama ialah anakanda-anakanda dan adinda-adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Seramai 25,000 orang mewakili 136 buah pasukan terdiri daripada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi pendidikan, pasukan beruniform dan sektor swasta menyertai



Sebahagian daripada perwakilan negara sahabat yang menghadiri majlis perhimpunan dan perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi Wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.

perarakan maulud itu.

Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasalam pada tahun ini ialah "Bersepadu Memperkasa Bangsa Bertaqwa."

Doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Sejurus sebelum perarakan bermula, selawat dilancarkan sebanyak tiga kali diketuai oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

Darulifta' Brunei Darussalam, Sg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam
Telefon: 2235121, 2224955 Fax: 2235120

Website: www.brunet.bn/gov/mufti E-mail: mufti@brunet.bn / fatwa@brunet.bn dan penerbitanjmk@netkad.com.bn

Dicetak oleh: Pencetak dan Perdagangan Borneo Sdn. Bhd.